

Latihan Pengukuhan

1. Lengkapkan maklumat dibawah dengan jawapan yang betul.
 - a. Dasar Ekonomi Baru (DEB) dilaksanakan dalam tempoh (30 tahun : 20 tahun) dari tahun 1970 hingga 1990.
 - b. DEB dilancarkan melalui Rangka Rancangan Jangka Panjang Pertama (RRJP1), merangkumi (empat : empat belas) Rancangan Pembangunan Lima Tahun Malaysia.
 - c. Tujuan DEB untuk memulihkan ketidakseimbangan (sosiopolitik : sosioekonomi) antara kaum, wilayah dan antara wilayah yang sama.
 - d. DEB ditubuhkan oleh (Majlis Pendaftaran Negara : Majlis Perundingan Negara) (MAPEN) pada bulan Januari 1970.
 - e. MAPEN ditubuhkan untuk mengadakan garis panduan kerjasama antara (negara : kaum) dan integrasi nasional.
 - f. MAPEN terdiri daripada pakar ekonomi termasuklah (Dr. Raes Saniman : Tunku Abdul Rahman : Dr. Just Faaland : Dr. Jack R. Parkinson : Dr. Mahathir Mohamad).
 - g. Strategi DEB yang pertama untuk membasmi kemiskinan dengan menambahkan pendapatan dan (memperbanyakkan : mengehadkan) peluang pekerjaan kepada rakyat.
 - h. Strategi DEB yang kedua, Menyusun masyarakat untuk mengurangkan dan menghapuskan pengenalan kaum mengikut fungsi (politik : ekonomi).